

12 OCT 1997

Aesan-Tatacara

TATACARA PEMBERITAHUAN AKAN CEGAH PERBUATAN MELOBI

Oleh: Michael Raj

PETALING JAYA, 12 Okt (Bernama) -- Tatacara pemberitahuan yang akan dipersetujui para menteri perdagangan Asean pada mesyuarat tahunan mereka di sini minggu ini akan mencegah kumpulan-kumpulan domestik daripada melobi untuk keutamaan perdagangan daripada kerajaan negara masing-masing.

Seorang pegawai perdagangan Asean berkata sementara tidak menggalakkan perlindungan, ia juga akan membantu mengekalkan momentum bagi mewujudkan sebuah pasaran tunggal yang bebas di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) menjelang tahun 2003.

Ia akan mencegah negara-negara anggota daripada sewenang-wenangnya mengenakan cukai import ataupun halangan bukan tarif yang boleh "merosakkan proses AFTA," kata pegawai itu yang bercakap dengan syarat namanya dirahsiakan.

Mesyuarat dua hari para Menteri Ekonomi Asean (AEM) di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini pada 16 Okt akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut dokumen yang akan ditandatangani pada 16 Okt itu, negara-negara Asean harus memberitahu satu sama lain mengenai sebarang pengubahsuaian terhadap iltizam atau tanggungjawab dalam AFTA yang mungkin melemahkan atau membatalkan sebarang faedah kepada negara-negara anggota.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata semasa memberi taklimat kepada media mengenai AEM baru-baru ini, bahawa negara-negara Asean tidak mahu "terperangkap" sekiranya pihak lain mengenakan tarif baru atau cukai import.

Dengan itu, negara-negara Asean akan dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang mungkin mengganggu gugat momentum eksport yang mungkin telah mereka terokai dalam pasaran satu sama lain.

Pegawai itu berkata sebelum ini negara-negara anggota boleh mengenakan tarif apabila import kelihatan akan menghakis produk mereka sendiri atau mengancam industri domestik, tanpa memaklumkan negara anggota yang lain, tetapi langkah itu merupakan penghalang kepada usaha mencapai kedayasaingan serantau.

Peraturan yang terkandung dalam skim CEPT atau Keistimewaan Tarif Berkesan Samarata -- mekanisme untuk melaksanakan AFTA -- dengan jelas menerangkan iltizam terhadap pengurangan tarif dan "apa yang negara-negara anggota boleh dan tidak boleh lakukan," katanya.

"...tetapi memandangkan AFTA sedang bergerak ke hadapan dengan garis tarif berjumlah 93 peratus di dalam senarai kemasukan untuk konsesi CEPT, negara-negara perlu menggantungkan keutamaan di bawah tatacara pemberitahuan," katanya.

Sementara bertindak sebagai satu mekanisme "penyebaran maklumat", beliau berkata tatacara pemberitahuan harus dilihat sebagai satu peringatan untuk negara-negara tidak melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan langkah pengurangan tarif tanpa berunding dengan pihak lain.

Ia juga tidak bermakna bahawa setelah berunding dengan pihak lain, negara-negara boleh meneruskannya dan mengenakan tarif kerana mereka perlu memberi penjelasan dan kewajaran kenapa tarif itu dikenakan kepada negara anggota Asean yang lain, katanya.

Semasa menyatakan tentang perlunya pemberitahuan itu, Rafidah mengambil contoh kes Indonesia yang menaikkan tarif import untuk poliethilena, satu produk sampingan petrokimia baru-baru ini, tanpa terlebih dahulu memaklumkan kepada negara-negara anggota yang lain tentang keputusannya itu.

"Ia juga mencegah perbuatan mengenakan halangan bukan tarif," kata pegawai itu sambil menyatakan bahawa semua negara anggota adalah bersalah kerana mengenakan halangan dalam satu bentuk atau yang lain.

Memang terdapat barangan yang memerlukan keutamaan, atau perlindungan, tetapi terdapat saluran untuk mereka di bawah senarai pengeluaran sementara (TEL), ataupun senarai "sensitif" atau "amat sensitif" seperti beras dan gula.

Akhirnya, mereka juga terpaksa diletakkan di bawah TEL dan selepas itu di bawah CEPT jika Asean benar-benar mahu mewujudkan AFTA, yang menjanjikan sebuah pasaran bebas dengan asas pengguna melebihi 500 juta orang menjelang hujung dekad ini. -- BERNAMA

MR/ES SIA RON